

SEJARAH RINGKAS YAYASAN PENGAJIAN TINGGI ISLAM KELANTAN NILAM PURI

Oleh:
Idris Awang¹

Abstrak

Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) yang ditubuhkan pada tahun 1965 adalah terhasil daripada hasrat masyarakat Melayu Islam di Tanah Melayu semenjak awal kurun ke-20 untuk melahirkan sebuah universiti Islam dan ianya merupakan institusi pengajian Islam kedua yang ditubuhkan selepas penubuhan Kolej Islam Malaya pada tahun 1955 yang kemudiannya dijadikan sebahagian daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Ia juga merupakan manifestasi yang diinisiatifkan oleh Kerajaan Kelantan dan penubuhannya melalui Enakmen Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan 9/1968. Pengajian di YPTIK diasaskan berdasarkan kurikulum pengajian Universiti Al-Azhar di Mesir dan mendapat pengiktirafan istimewa dari universiti itu. Ramai pelajar dari institusi ini menamatkan pengajian mereka di universiti berkenaan berdasarkan pengiktirafan itu. YPTIK telah menyediakan peluang pengajian bukan sahaja kepada pelajar tempatan malah kepada seluruh Asia Tenggara termasuk Thailand, Kemboja, Indonesia dan Brunei. Tenaga pengajar hampir keseluruhannya merupakan lepasan dari Universiti Al-Azhar. Badan tertinggi yang mengawal selia YPTIK ialah Majlis Tertinggi Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Kelantan dan seramai dua belas orang ahli dilantik oleh KDYMM Al-Sultan. Untuk menyelesaikan beberapa masalah berbangkit terutamanya pengiktirafan Kerajaan Malaysia, YPTIK diserapkan ke dalam Universiti Malaya pada tahun 1981.

Kata kunci: YPTIK, Nilam Puri, Kolej Islam Malaya.

¹ Idris b. Awang (Ph.D), Mantan Penyelidik Tok Kenali, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

PENDAHULUAN

Enakmen Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan 9/1968 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan dan diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Sultan Yahya Petra, pada 10 Oktober 1968.² Dengan terwujudnya enakmen ini, Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan (PPTIK) yang didaftarkan di bawah Majlis Agama Islam Kelantan³ mula menawarkan pengajian pada tahun 1965 dan mula dikenali dengan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK).

YPTIK diiktiraf sebagai Badan Berkanun pada tahun 1977.⁴ YPTIK merupakan sebuah institusi pengajian tinggi pertama yang ditubuhkan di bawah satu enakmen kerajaan negeri di Malaysia dan menawarkan pengajian Islam peringkat tinggi kepada masyarakat Islam di Malaysia dan rantau Asia Tenggara. Kurikulum pengajian yang ditawarkan adalah berasaskan kurikulum pengajian Universiti Al-Azhar Kaherah dan dikendalikan oleh pensyarah dari universiti berkenaan sendiri atau pun mereka yang berkelulusan dari universiti itu. Pada asasnya bahasa pengantar ialah Bahasa Arab kecuali bagi kursus Undang-undang dan Kemasyarakatan yang terpaksa dikendalikan dalam Bahasa Melayu.

YPTIK berjaya melahirkan graduan yang telah memberi khidmat cemerlang kepada masyarakat dan negara sebagai Mufti Negeri, Hakim Mahkamah Syariah, akademik dan guru serta ahli korporat dan pendakwah. Pengajian di YPTIK diiktiraf oleh banyak universiti luar negara khususnya di Timur Tengah. Walaupun demikian pengiktirafan dalam negara adalah terhad disebabkan penubuhannya di bawah Enakmen Dewan Undangan Negeri, dan tidak di bawah Akta Parlimen seperti universiti-universiti lain dalam negara sebagai contohnya Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia pada waktu itu.

² Enakmen 9/1969 telah dimansuhkan dengan Enakmen Yayasan Islam Kelantan 8/1982.

³ Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan didaftarkan di bawah Majlis Ugama Islam Kelantan pada 18 September 1965 dengan nama *Markaz Al-Dirāsāt Al-Islāmiyyah Al-‘Āliyyah bi Kelantan* – Surat Yang DiPertua Majlis bertarikh 18 September 1965.

⁴ Surat Kerajaan Kelantan kepada Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia bl. 157/76/ (7) bertarikh 20 Feb. 1977, Salinan kepada Pendaftar Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan, Nilam Puri.

LATAR BELAKANG PENUBUHAN

Hasrat untuk menubuhkan sebuah universiti Islam di tanah air telah dibincang oleh intelektual Melayu Islam pada awal kurun ke-20 lagi sebagai wadah untuk memperkemaskan sistem pendidikan Islam di negara ini serta untuk menyelesaikan beberapa masalah kemasyarakatan seperti persoalan Kaum Muda-Kaum Tua yang menimbulkan perselisihan dalam masyarakat. Perselisihan mengenai jilatan anjing yang membawa kepada perdebatan hangat di Istana Sri Cemerlang Kota Bharu pada tahun 1937 dikatakan adalah ekoran dari perselisihan fahaman Kaum Muda dan Kaum Tua. Unsur adat yang menebal dalam amalan agama dan juga sikap orang Melayu yang tidak produktif⁵ juga merupakan persoalan yang dihadapi oleh masyarakat Melayu Islam pada zaman itu.

Zaaba mengutarakan hasrat ini dalam Majalah *Al-Ikhwān* keluaran 16 Januari 1927 untuk meningkatkan pendidikan dan keintelektualan masyarakat Islam di negara ini setelah berlakunya penubuhan *Muhammadan Anglo Oriental College* di Aligarh, India. Ahmad Ismail memanjangkan hasrat berkenaan dalam *Al-Hikmah* Bilangan 132 keluaran 25 Mac 1937. Idea dan hasrat ini semakin hangat diperbincangkan selepas Perang Dunia II apabila Jepun meninggalkan Malaya dan kembalinya British menguasai semula negara ini. *Utusan Melayu* 20 September 1946 melaporkan bahawa dalam Mesyuarat Agung Pertubuhan Kebangsaan Melayu (PEKEMBAR) yang diadakan pada 28 Julai 1946, menyatakan hasrat ini telah mendapat sokongan yang kuat daripada ahli yang hadir. *Utusan Melayu* 23 Jun 1953 juga melaporkan *All Malaya Muslim Missionary Society* yang diketuai oleh salah seorang pengasasnya Dato' Syed Ibrahim Omar Al-Sagoff telah bersetuju untuk menjadikan hasrat penubuhan sebuah universiti Islam di Malaya sebagai agenda utama pergerakan itu. Semangat dari hasrat ini telah membawa kepada penubuhan Kolej Islam Malaya pada tahun 1955.

Dalam perkembangan lain, Parti Islam SeMalaya (PAS) yang memenangi Pilihan Raya pada 1959 telah diberi mandat untuk menubuhkan kerajaan di Kelantan. Tindakan awal yang diambil oleh kerajaan baharu PAS ialah menubuhkan sebuah badan penasihat yang dinamakan Lembaga Penasihat Rancangan Dasar PAS Kelantan yang dipengerusikan oleh Dato' Mohd Asri b. Haji Muda selaku Pesuruhjaya PAS Kelantan dan dianggotai oleh wakil-wakil dari Pejabat Agung PAS

⁵ William R Roff (1994) *the Origins of Malay Nationalism (2nd Edition)*. Oxford University Press h. 75-87. Lihat juga Peter Riddell (2001) *Islam and the Malay-Indonesian World*. Horizon Books Pte Ltd. h. 210-215.

dan PAS Negeri Kelantan. Ahli Lembaga yang terlibat ialah Ustaz Zulkifli Muhammad, Setiausaha Kolej Islam Malaya dan antara perkara yang dibincangkan oleh Lembaga ini ialah tentang universiti Islam yang menjadi topik hangat diperbincangkan oleh masyarakat terutama apabila Kerajaan Pusat membuat keputusan untuk menjadikan Kolej Islam Malaya sebagai sebahagian daripada Universiti Kebangsaan Malaysia yang akan ditubuhkan. Cadangan asal penubuhan Kolej Islam Malaya ialah sebagai asas kepada penubuhan sebuah universiti Islam di Malaya.⁶

Pada tahun 1963, Dato' Haji Muhammad Nasir, Timbalan Menteri Besar Kelantan, telah membentuk sebuah jawatankuasa bagi merancang penubuhan sebuah universiti Islam di Kelantan. Kerajaan Negeri Kelantan telah menyediakan sebuah kawasan di Semerak, Pasir Putih, sebagai kampusnya dan sebidang tanah di Ulu Kelantan untuk diusahakan sebagai ladang getah sebagai sumber pendapatan institusi pengajian berkenaan. Di sebalik inisiatif yang telah dibuat, Jawatankuasa ini menghadapi beberapa kesulitan termasuklah kekalahan Dato' Muhammad Nasir dalam Pilihanraya Umum pada tahun 1964 dan dilantik sebagai Pesuruhjaya Perkhidmatan Kelantan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan. Lebih malang lagi ialah satu kemalangan jalan raya yang mengorbankan Zulkifli Muhammad, penggerak utama jawatankuasa ini, di Kuantan.⁷

Walau bagaimanapun usaha ini diteruskan dengan penubuhan sebuah jawatankuasa lain yang dipengerusikan sendiri oleh Dato' Mohd. Asri selaku Menteri Besar Kelantan yang baru dilantik. Hasil rundingan dengan pihak Istana Kelantan, Duli Yang Maha Mulia Sultan Yahya Petra telah dengan murah hati memperkenalkan untuk mengurniakan Istana Nilam Puri dan kawasannya untuk dijadikan universiti yang akan ditubuhkan itu. Untuk mengatasi halangan Akta Pelajaran pada waktu itu, institusi ini dinamakan Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan yang kemudiannya dikenali dengan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) bersesuaian dengan Enakmen 9/1968. Dalam Bahasa Arab institusi ini dikenali dengan *Markaz Addirāsāt Al-Islāmiyyah Al-‘Āliyah* manakala dalam Bahasa Inggeris ialah *the Islamic Centre for Higher Studies*.⁸

⁶ Tan Sri Dato' Mohd. Asri b. Haji Muda (1993) *Memoir Politik Asri: Meniti Arus*. Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 83.

⁷ *Ibid.*

⁸ *Ibid.* h. 84

Penubuhan YPTIK mempunyai matlamat seperti berikut:⁹

1. Menghidupkan pengajian tinggi Islam dengan cara bebas.
2. Melahirkan angkatan terpelajar Islam yang bertenaga.
3. Mengada dan mengurus kajian-kajian ilmiah.
4. Mengawal, memelihara dan memupuk pertumbuhan kebudayaan Islam.
5. Menjadi pendorong bagi perkembangan Syariah Islam di negeri ini.
6. Menyedia dan membentuk angkatan terpelajar bagi memenuhi jawatan-jawatan yang bercorak keagamaan dan kemasyarakatan.
7. Mengadakan peluang dan kemudahan bagi pelajar-pelajar untuk menyambung pengajian mereka.
8. Memberi peluang dan kemudahan bagi pelajar-pelajar tingkatan menengah Arab untuk melanjutkan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi di dalam dan di luar negeri.
9. Bertukar-tukar usaha dan tenaga dalam bidang pengajian Islam (*sic*) yang lain di dalam dan di luar negeri.

Secara keseluruhannya matlamat-matlamat ini merangkumi agenda dan hasrat penubuhan universiti Islam yang dibincangkan oleh para intelektual dan aktivis Melayu Islam semenjak dari awal kurun ke-20. Ia termasuk menyelesaikan masalah perselisihan Kaum Muda-Kaum Tua disebabkan pandangan dan pengetahuan Islam yang sempit, amalan-amalan Islam yang kuat dipengaruhi amalan adat, dan perubahan sikap dan budaya masyarakat ke arah melahirkan masyarakat Melayu Islam yang lebih baik dan maju. Hal ini adalah sepertimana yang dibincang dalam majalah-majalah *Al-Ikhwan*, *Saudara* dan *Al-Imam* serta juga dalam forum-forum pertubuhan-pertubuhan pada waktu itu termasuk PEKEMBAR, *All Malaya Muslim Missionary Society* dan sebagainya.¹⁰

PENGURUSAN

Badan tertinggi yang mengurus YPTIK ialah Majlis Tertinggi Yayasan yang mempunyai dua belas orang ahli termasuk Yang DiPertua dan

⁹ Hj. Salahuddin b. Abdullah & Hydselan b. Hashim (2010) *Sejarah PAS Kelantan (1959-1978)*. Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan. h. 161. (Yang dipetik dari *Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan, Nilam Puri*, h. 34.)

¹⁰ William R Roff (1994) *The Origins of Malay Nationalism (2nd Edition)*. Oxford University Press h. 75-87.

Timbalan Yang DiPertua yang dilantik oleh KDYMM Sultan Kelantan.¹¹ Yang DiPertua selaku pengerusi Majlis dipegang oleh Menteri Besar Kelantan. Majlis yang bertanggungjawab atas perkara dasar Yayasan mempunyai beberapa jawatankuasa kecil termasuk Kewangan, Perancangan Kampus dan Perjawatan. Hal-hal akademik YPTIK adalah di bawah Lembaga Pengajian yang dipengerusikan oleh Pengetua¹² YPTIK dan dianggotai oleh para ahli akademiknya¹³ manakala urusan harian di bawah Pengetua dibantu oleh Timbalannya, Dekan-Dekan Fakulti, Ketua Pusat Bahasa dan Penyelia Pra-Kuliyah. Pendaftar membantu Pengetua dalam pengurusan am.¹⁴

PENGAJIAN DAN PENGIKTIRAFAN

Seperti dinyatakan di atas bahawa program pengajian di YPTIK adalah adaptasi dari program pengajian di Universiti Al-Azhar Kaherah. Sarjana Muda Syariah Wal Qānūn sebagai program pertama yang ditawarkan serentak dengan penubuhan YPTIK pada tahun 1965 manakala Sarjana Muda Usuluddin Wal Ijtimā' mula ditawarkan pada tahun 1974. Disebabkan keadaan sedemikian kedua-dua program itu mudah mendapat pengiktirafan istimewa daripada universiti berkenaan. Program Sarjana Muda Syariah Wal Qānūn mendapat pengiktirafan pada tahun 1968¹⁵ manakala Sarjana Muda Usuluddin Wal Ijtimā' pada tahun 1977.¹⁶ Pengiktirafan istimewa ini bermaksud pelajar lepasan Tahun Satu di YPTIK boleh meneruskan pengajiannya di Tahun Dua dalam jurusan yang sama di Universiti Al-Azhar, demikian juga pelajar lepasan Tahun Dua boleh meneruskan ke Tahun Tiga dan seterusnya. Lulusan kedua-dua program ini boleh melanjutkan pengajian di peringkat sarjana di universiti berkenaan. Kedua-dua ijazah berkenaan juga mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan Arab Saudi sebagai setaraf dengan ijazah pertama dari

¹¹ Perkara 7 Enakmen 9/1968 Kerajaan Negeri Kelantan

¹² Pengetua pertama YPTIK ialah Ustaz Wan Hussain Azmi Wan Abdul Kadir (1965-1970), diikuti oleh Ustaz Mohd Ali Haji Harun (1970-1980) dan Ustaz Mohammad Che Wok (1980-1981)

¹³ Perkara 20 Enakmen 9/1968 Kerajaan Negeri Kelantan.

¹⁴ Mesyuarat Majlis Tertinggi Yayasan 21 Februari 1978 Agenda/Minit 6.

¹⁵ Surat *Registrar General University Al-Azhar* kepada Pengetua YPTIK bertarikh 12 Februari 1969.

¹⁶ Surat *General Directorate University Al-Azhar* kepada Duta Malaysia di Kaherah bertarikh 27 Jun 1977.

universiti-universiti negara berkenaan dan layak untuk melanjutkan pengajian dalam bidang berkaitan di peringkat sarjana.¹⁷ Manakala Kerajaan Malaysia mengiktiraf lepasan YPTIK sebagai setaraf dengan Sijil Tinggi Kolej Islam Malaya atau D3 dari sudut tangga gajinya.¹⁸

Selain daripada dua program peringkat ijazah, YPTIK juga menawarkan program persediaan. Sebagai menyediakan laluan kepada program ijazah kepada pelajar yang tidak mempunyai kelayakan rasmi seperti mereka yang datang dari aliran pengajian tradisional dan juga untuk pelajar yang tidak mempunyai kelayakan yang boleh diterima masuk dalam pengajian peringkat ijazah. Pada awalnya program ini dikenali dengan Maahad Dakwah Wal Imamah yang pengajiannya adalah dalam tempoh dua tahun tetapi kemudiannya pada tahun 1974 ia distrukturkan semula dan dijadikan program Pra-Kuliah dan tempoh pengajiannya dipendekkan kepada satu tahun.

Dari tahun 1965 sehingga sesi akademik 1979/1980, seramai 5,625 orang pelajar telah berdaftar termasuk 1,255 orang yang memasuki Maahad Dakwah Wal Imamah atau Pra-Kuliah sebelum mendaftar semula sebagai pelajar ijazah selepas tamat kursus persediaan itu. Jumlah pelajar ijazah keseluruhannya ialah 4,470 orang. Daripada jumlah tersebut hanya 388 orang sahaja yang memilih untuk menyelesaikan pengajian mereka di YPTIK manakala yang baki kebanyakannya menerus dan menyelesaikan pengajian di Universiti Al-Azhar, Mesir, bagi memastikan mereka mendapat pengiktirafan penuh sebagai pemegang ijazah pertama oleh Kerajaan Malaysia (Rujuk Jadual 1).

YPTIK juga pernah menawarkan program pengajian secara *ad. Hoc*. Pada tahun 1971 Kursus Sijil Pendidikan secara kolaborasi dengan Universiti Malaya Kuala Lumpur ditawarkan kepada 26 orang pelajar. Pelajar lepasan tersebut ditempatkan di sekolah-sekolah menengah yang sesuai. Pada tahun 1967 pula ditawarkan Kursus Intensif Bahasa Arab kepada 20 orang pelajar lepasan *O-Level* bagi melayakkan mereka melanjutkan pengajian ke Universiti Al-Azhar dan Universiti Baghdad dalam jurusan sains yang sesuai,¹⁹ manakala pada tahun 1976 satu lagi Kursus Intensif Bahasa Arab ditawarkan dengan kerjasama Jabatan

¹⁷ Surat Duta Arab Saudi di Kuala Lumpur kepada Pengetua YPTIK bertarikh 22/8/1399H bersamaan 16/7/1979.

¹⁸ Surat Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia Bil 130/9/1-2/ bertarikh 19hb September 1975.

¹⁹ Penulis ialah salah seorang dari peserta kursus Intensif Bahasa Arab 1967.

Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia kepada 22 orang pelajar *O-Level* untuk membolehkan mereka mengikuti pengajian dalam bidang Perubatan di Universiti Al-Azhar.²⁰ Kursus-kursus intensif ini adalah dalam tempoh satu tahun akademik.

PELAJAR

Jadual 1: Taburan Perangkaan Pelajar YPTIK 1965-1980*

SESI	MD/ PRA	SYARIAH					USULUDDIN					JUM PEL IJAZAH	JUM PELAJAR
		I	II	III	IV	Jum	I	II	III	IV	Jum		
1965 (66/67)	79	43	-	-	-	43	-	-	-	-	-	43	122
1967/68	145	44	39	-	-	83	-	-	-	-	-	83	228
1968/69	155	66	61	32	-	159	-	-	-	-	-	159	314
1969/70	56	105	51	57	32	245	-	-	-	-	-	245	301
1970/71	45	105	51	49	47	252	-	-	-	-	-	252	297
1971/72	11	31	65	66	36	197	-	-	-	-	-	197	208
1972/73	92	115	51	57	10	233	-	-	-	-	-	233	325
1973/74	138	46	183	55	30	314	-	-	-	-	-	314	452
1974/75	139	139	92	47	13	291	69	-	-	-	69	460	499
1975/76	119	136	108	61	12	317	60	43	-	-	103	420	539
1976/77	124	147	111	89	24	371	104	42	35	-	181	552	676
1977/78	50	72	125	98	45	340	82	73	33	25	213	553	603
1978/79	52	65	63	121	31	280	67	79	40	20	206	486	538
1979/80	50	82	59	78	40	259	87	63	41	23	214	473	523
													5625
JUMLAH	1255	1196	1059	810	320	3384	469	300	149	68	986	4470	

*Adaptasi dari *Hari Penyampaian Ijazah 1400H 12 Julai 1980/29 Syaaban 1400H*. Yayasan Pengajian Islam Kelantan, h. 22.

Pada sesi akademik 1974/75, YPTIK mempunyai 42 orang staf akademik termasuk 29 orang pensyarah dan 13 orang tutor yang mempunyai kepakaran masing-masing dalam pelbagai pengajian seperti Syariah, Usuluddin dan Bahasa Arab dan juga Undang-undang, Sosiologi, Ekonomi, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Enam daripada pensyarah berkenaan adalah dari luar negara iaitu dua dari Mesir dan empat dari Indonesia.²¹

YPTIK sebagai sebuah institusi pengajian tinggi menitik berat aspek ko-kurikulum dalam sistem pendidikannya bagi melahirkan pelajar yang berketerampilan, mempunyai ciri kepimpinan, keusahawan dan

²⁰ Penulis ialah Penyelia kepada kursus intensif Bahasa Arab 1976.

²¹ Bilangan ini adalah berasaskan surat-surat jemputan ke Mesyuarat Lembaga Pengajian sesi 1975/76 dalam YPTIK 2/71/BH.IV

kerjasama untuk membolehkan mereka berkhidmat kepada masyarakat secara berkesan.²² Instrumen bagi aspek pendidikan ini ialah Persatuan Siswa Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (PSYTIK). PSYTIK²³ menjadi penggerak utama bagi aktiviti para pelajar dalam merancang dan melaksanakan aktiviti ko-kurikulum seperti mengadakan pertandingan syarahan, debat, lawatan, penulisan esei dan juga bengkel kepimpinan dan khidmat masyarakat. Malah PSYTIK mempunyai media penerbitan sendiri yang dinamakan *Nilam* yang memuatkan hasil penulisan para pelajar dalam bentuk makalah, cerpen dan juga puisi. *Nilam* menyediakan ruang untuk pelajar menyatakan pendapat atau kritikan mereka terhadap apa yang berlaku dalam masyarakat tempatan dan juga antarabangsa. Disebabkan halangan tertentu *Nilam* hanya sempat diterbitkan sebanyak dua keluaran sahaja.

PERBELANJAAN DAN PEMBANGUNAN

YPTIK sebagai sebuah institusi yang ditubuhkan di bawah Enakmen Kerajaan Negeri Kelantan memperolehi peruntukan setiap tahun sebagai sebahagian daripada belanja pengurusan dan pembangunannya. Misalnya pada tahun 1968 YPTIK memperolehi RM67,000,²⁴ tahun 1969 RM100,000,²⁵ tahun 1972 RM460,000,²⁶ tahun 1976 RM757,000²⁷ manakala peruntukan yang diterima pada tahun 1978 ialah sebanyak RM1,097,022.²⁸ Salah satu daripada sumber kewangan YPTIK juga daripada sumbangan luar negara. Di antaranya, pada tahun 1973 YPTIK

²² Bharati Rajendra Dhameher (2014) *'Impact of Co-Curricular Activities on the Non-Academic Development of Junior College Students'* (Disertasi MPhil DY Patil University) h.165.

²³ Penghormatan kepada Yang DiPertua PSYTIK: Mahmud Zuhdi b. Hj. Ab. Majid (1965/66 & 1968/69), Ibrahim Ab. Rahman ((1969/70), Mohd. Kamil Hj. Ab. Majid (1970/71), Wan Muhammad Wan Yunus (1971/72), Suguib@Semangun b. Hj. Harun (1972/73 & 1974/75), Mohd. Zaki Hj. Ibrahim (1973/74), Mukhtar Salleh (1975/76), Mohd. Mansoruddin b. Ismail (1976/77), Mohamad b. Abdullah (1977/78), Mokhtar Mohd Salim (1978/79), Mohd Isa b. Husin (1979/80) dan Abd. Rashid b. Abd. Rahman (1980/81)

²⁴ Laporan Tahunan YPTIK 1969-1970

²⁵ Laporan Tahunan YPTIK 1970-1971

²⁶ Laporan Tahunan YPTIK 1973-1974

²⁷ Laporan Tahunan YPTIK 1976-1977

²⁸ Laporan Tahunan YPTIK 1978-1979

menerima sebanyak RM15,646 daripada Kerajaan Kuwait,²⁹ tahun 1974 RM20,000,³⁰ tahun 1976 RM39,142,³¹ tahun 1977 RM50,000³² dan pada tahun 1978 RM50,000 daripada Kerajaan Arab Saudi.³³ Sumbangan juga pernah diterima daripada Kerajaan Arab Saudi dalam bentuk pembinaan sebuah asrama yang sekarang ini dikenali dengan nama Asrama Al-Malik Khalid serta sebuah perpustakaan yang dinamakan Perpustakaan Al-Malik Faisal dan daripada Kerajaan Negeri Johor dalam bentuk pembinaan sebuah dewan yang dinamakan Dewan Johor. Selain daripada itu yuran pengajian dan sewa asrama juga menjadi sumber pendapatan YPTIK.

YPTIK diserapkan ke Universiti Malaya pada tahun 1981 untuk membentuk Akademi Islam Universiti Malaya yang kemudiannya menjadi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya apabila digabungkan dengan Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera, membawa bersama pelajar-pelajar lepasan Pra-Kuliah dan Tahun Satu yang menjadi pelajar sulung kepada institusi berkenaan. Lulusan Pra-Kuliah memasuki Tahun Satu manakala lulusan Tahun Satu akan memasuki Tahun Dua. Baki pelajar meneruskan pengajian dengan sistem sedia ada dan menamatkan pengajian sebagai kumpulan graduan terakhir YPTIK.³⁴ YPTIK berkesempatan memberi khidmat pengajian dan pendidikan Islam selama 15 tahun lebih lama berbanding Kolej Islam Malaya yang mampu bertahan selama 12 tahun dari tahun 1955 hingga 1967 apabila dijadikan Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun berkenaan.³⁵

SUMBANGAN

Di sebalik tempoh hayatnya yang hanya 15 tahun, sumbangan YPTIK kepada pengajian dan pendidikan masyarakat Islam di Malaysia dan rantau Nusantara tidaklah sedikit. YPTIK merupakan jambatan ke Universiti Al-Azhar. Pelajar memulakan pengajian di YPTIK kemudian

²⁹ Laporan Tahunan YPTIK 1973-1974

³⁰ Laporan Tahunan YPTIK 1974-1975 (Tidak dinyatakan negara penyumbang)

³¹ Laporan Tahunan YPTIK 1976-1977 (Tidak dinyatakan negara penyumbang)

³² Laporan Tahunan YPTIK 1977-1978 (Tidak dinyatakan negara penyumbang)

³³ Laporan Tahunan YPTIK 1978-1979 (Tidak dinyatakan negara penyumbang)

³⁴ *Budiman* 15 March 1981 Tahun 6 bl. 13 h. 4.

³⁵ Tan Sri Dato' Mohd Asri Hj. Muda (1993) *op cit.*

menamatkan pengajian mereka di universiti tertua itu dan kembali untuk memberi khidmat kepada masyarakat. Mereka ini walaupun tidak menamatkan pengajian di YPTIK tetapi tetap menganggap diri mereka sebagai alumni YPTIK.³⁶

Di Thailand khususnya Selatan Thailand, YPTIK menyediakan peluang pengajian tinggi Islam kepada anak muda masyarakat Islam di sana. Mereka khususnya golongan wanita amat sukar untuk ke luar negara tetapi dengan adanya YPTIK yang terletak hanya di seberang sempadan, peluang itu tersedia dan digunakan sebaik mungkin. Pada sesi 1975/1976 YPTIK mempunyai 47 orang pelajar dari Thailand, sesi 1976/77 35 orang, sesi 1977/1978 seramai 37 orang dan pada sesi 1978/79 terdapat 28 orang.³⁷ Taweeluck Pollachon³⁸ menjelaskan bahawa pelajar-pelajar YPTIK sekembali ke tanah airnya mengadakan aktiviti keislaman dan mengajar doktrin Islam kepada masyarakat. Mereka mendidik masyarakat tentang tatacara pergaulan, pemakaian dan pemakanan selaras dengan nilai-nilai Islam selain daripada aspek-aspek spiritual dan amalan-amalan ibadat. Mereka juga menekankan peranan dan tanggungjawab wanita dalam Islam. Taweeluch Pollachon merumuskan bahawa pelajar-pelajar Thai di YPTIK adalah agen perubahan masyarakat Islam Selatan Thailand.

PENUTUP

Penubuhan YPTIK pada tahun 1965 adalah satu manifestasi yang terhasil daripada hasrat dan perjuangan para intelektual dan pemimpin masyarakat Islam untuk menubuhkan sebuah universiti Islam di Tanah Melayu atau Malaya pada waktu itu. Perjuangan semenjak dari awal abad ke-20 itu adalah bertujuan untuk meningkatkan taraf pendidikan dan kesedaran sosial masyarakat Islam di samping untuk meletakkan Islam pada landasan yang sebenar dan kefahaman yang betul supaya dapat menyelesaikan beberapa masalah yang dihadapi oleh masyarakat seperti masalah

³⁶ Prof. Madya Dr. Idris Awang (2017) 'Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) Nilam Puri: Analisis Sejarah dan Perkembangannya' (Laporan Penyelidikan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

³⁷ Laporan Tahunan YPTIK pada tahun berkenaan

³⁸ Taweeluch Pollachon (2014) "'Uneducated Mother" or "Modern Mother": The Construction of Religious Education Women's Role in Public Space in the Three Border Provinces of Thailand' (Kertas Kerja yang dibentang di 12th International Conference on Thai Studies, University of Sydney, 22-24 April 2014)

perselisihan fahaman antara Kaum Tua dan Kaum Muda, kepercayaan dan amalan adat yang masih menebal dalam amalan-amalan Islam dan juga sikap-sikap negatif masyarakat yang melambatkan kemajuannya.

Kurikulum pengajian di YPTIK adalah berasaskan kurikulum Universiti Al-Azhar, Mesir dan dikendalikan kebanyakannya oleh lepasan daripada universiti berkenaan. Keadaan ini membolehkan YPTIK mendapat pengiktirafan penuh daripada universiti berkenaan dan universiti-universiti lain di Asia Barat termasuk Arab Saudi, Maghribi dan Iraq. Ramai lepasan dari YPTIK telah melanjutkan pengajian mereka ke universiti-universiti berkenaan dengan jayanya. Namun demikian, pengiktirafan daripada Kerajaan Malaysia sendiri tidak sedemikian, lepasan YPTIK diiktiraf sama taraf dengan Sijil Tinggi atau Diploma. Tidak dinafikan bahawa YPTIK telah memberi sumbangan yang signifikan kepada masyarakat Islam bukan sahaja di Malaysia malah di negara-negara Asia Tenggara seperti Thailand, Kamboja dan juga Brunei. Lepasannya telah memberi khidmat yang cemerlang dalam pendidikan dan perundangan Islam dan sektor-sektor lain seperti korporat atau seumpamanya.

Sebagai sebuah institusi yang ditubuhkan di bawah Enakmen Kerajaan Negeri Kelantan, Enakmen 9/1968, pembiayaannya adalah ditanggung oleh Kerajaan Negeri Kelantan di samping mendapat sumbangan dari negara-negara lain seperti Kerajaan Arab Saudi dan Kuwait. Penanggungan Kerajaan Negeri dari tahun ke tahun semakin bertambah dan semakin membebankan ditambah pula dengan masalah pengiktirafan dalam negeri. Dengan itu Kerajaan Negeri Kelantan telah membuat keputusan untuk menyerahkan YPTIK, Nilam Puri, kepada Kerajaan Pusat untuk diserapkan ke dalam Universiti Malaya bagi membentuk Akademi Islam Unversiti Malaya pada tahun 1981.

BIBLIOGRAFI

Bharati Rajendra Dhameher (2014), 'Impact of Co-Curricular Activities on the Non- Academic Development of Junior College Students' (Disertasi MPhil DY Patil University).

Budiman (1981). 15 Mac.

Hj. Salahuddin b. Abdullah & Hydselan b. Hashim (2010) Sejarah PAS Kelantan (1959-1978). Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan.

(Yang dipetik dari *Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan, Nilam Puri*)

Minit Mesyuarat Majlis Tertinggi Yayasan 21 Februari 1978
Agenda/Minit 6.

Perkara 7 Enakmen 9/1968 Kerajaan Negeri Kelantan.

Perkara 20 Enakmen 9/1968 Kerajaan Negeri Kelantan.

Prof. Madya Dr. Idris Awang (2017) '*Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) Nilam Puri: Analisis Sejarah dan Perkembangannya*' (Laporan Penyelidikan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

Surat Kerajaan Kelantan kepada Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia bl. 157/76/ (7) bertarikh 20 Feb. 1977, Salinan kepada Pendaftar Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan, Nilam Puri.

Surat *Registrar General University Al-Azhar* kepada Pengetua YPTIK bertarikh 12 Februari 1969.

Surat *General Directorate University Al-Azhar* kepada Duta Malaysia di Kaherah bertarikh 27 Jun 1977.

Surat Duta Arab Saudi di Kuala Lumpur kepada Pengetua YPTIK bertarikh 22/8/1399H bersamaan 16/7/1979.

Surat Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia Bil 130/9/1-2/ bertarikh 19hb September 1975.

Peter Riddell (2001) *Islam and the Malay-Indonesian World. Horizon Books Pte Ltd.*

Tan Sri Dato' Mohd. Asri b. Haji Muda (1993) *Memoir Politik Asri: Meniti Arus*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Taweeluch Pollachon (2014) "'Uneducated Mother" or "Modern Mother": The Construction of Religious Education Women's Role in Public Space in the Three Border Provinces of Thailand' (Kertas Kerja yang dibentang di 12th International Conference on Thai Studies, University of Sydney, 22-24 April 2014)

*William R Roff (1994) the Origins of Malay Nationalism (2nd Edition).
Oxford University Press.*

Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (1969-1970), *Laporan Tahunan
YPTIK 1969-1970*, Nilam Puri: YPTIK.

Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (1970-1971), *Laporan Tahunan
YPTIK 1970-1971*, Nilam Puri: YPTIK.

Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (1973-1974), *Laporan Tahunan
YPTIK 1973-1974*, Nilam Puri: YPTIK.

Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (1976-1977), *Laporan Tahunan
YPTIK 1976-1977*, Nilam Puri: YPTIK.

Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (1978-1979), *Laporan Tahunan
YPTIK 1978-1979*, Nilam Puri: YPTIK.

Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (1973-1974), *Laporan Tahunan
YPTIK 1973-1974*, Nilam Puri: YPTIK.

Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (1974-1975), *Laporan Tahunan
YPTIK 1974-1975*, Nilam Puri: YPTIK.

Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (1976-1977), *Laporan Tahunan
YPTIK 1976-1977*, Nilam Puri: YPTIK.

Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (1977-1978), *Laporan Tahunan
YPTIK 1977-1978*, Nilam Puri: YPTIK.

Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (1978-1979), *Laporan Tahunan
YPTIK 1978-1979*, Nilam Puri: YPTIK.